

08 JUL 2002

Mahathir-rakyat

RAKYAT TAK SUKA KEGANASAN BANTU BANGUNKAN NEGARA, KATA DR MAHATHIR

KUCHING, 8 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sikap rakyat termasuk tidak suka keganasan amat sesuai untuk negara berbilang kaum seperti Malaysia dan merupakan faktor utama yang menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara ini.

Perdana Menteri berkata bahawa di negara lain peperangan dan permusuhan berlaku hanya disebabkan sedikit perselisihan sehingga negara mereka tidak dapat menikmati kemajuan.

"Di sini kita bincang masalah, kita tidak ganas seperti di negara berbilang kaum yang lain. Kalau mereka (di negara lain) tidak setuju bukan saja berkata 'tidak' tetapi nak ambil pisau dan bunuh," katanya ketika merasmikan perhimpunan agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) di Santubong dekat sini.

Sebanyak 1,200 orang anggota perwakilan dan pemerhati dari 62 bahagian PBB menghadiri persidangan dua hari itu .

Dr Mahathir berkata sikap untuk terus hidup aman, harmoni dan bertolak ansur harus dikekalkan supaya negara ini dapat dibangunkan dan rakyat merasa selamat walau di manapun mereka berada.

Dr Mahathir juga berterima kasih kepada rakyat kerana memberikan sokongan padu kepada Barisan Nasional sehingga ia dapat menyediakan kerajaan yang kuat bagi memerintah negara ini.

"Kita perlu kerajaan yang kuat kerana kita mahu negara maju, berani bertindak dan mengambil keputusan untuk kebaikan rakyat walaupun ada keputusan kerajaan tidak disukai oleh rakyat.

"Kalau kerajaan naikkan cukai misalnya rakyat tidak gembira, tetapi cukai perlu untuk membangun negara. Kerajaan yang lemah tidak akan berani bertindak demikian kerana takut kehilangan kuasa," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat harus faham hakikat bahawa memilih kerajaan yang kuat dan kedudukan BN yang telah memerintah negara sejak merdeka lagi, bukan bermakna tidak wujud demokrasi di negara ini.

"Memilih kerajaan yang kuat juga bermakna demokrasi. Kita harus gunakan demokrasi untuk kebaikan kita, bukan hendak gunakan kita untuk kebaikan demokrasi," katanya.

Dr Mahathir, yang akan bersara Oktober tahun depan, juga merakamkan penghargaannya kepada para pemimpin terdahulu seperti Datuk Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn, yang kerana mereka, telah memudahkan beliau memajukan negara ke tahap seperti sekarang.

"Saya cuma mengambilalih dari mereka, meneruskan pembangunan, dan merekalah yang telah meletakkan asas yang kukuh bagi kemajuan negara. Saya amat berterima kasih," katanya.

Beliau berkata Datuk Onn Jaafar telah berjaya menyatukan orang Melayu melalui Umno, manakala Tunku Abdul Rahman telah menyatukan orang Cina, India dan Melayu serta kaum-kaum lain di Sarawak dan Sabah menerusi Barisan Nasional.

Dr Mahathir berkata Tun Razak pula mempelopori pembangunan luar bandar di negara ini dan pembangunan ini diteruskan oleh Tun Hussein.

-- BERNAMA

MT FLL MAI